

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

4.1 LAPORAN PENYELIDIKAN

Untuk menjayakan kajian ini 200 orang wanita telah dipilih sebagai responden. Responden dipilih atau diambil secara rawak dari beberapa buah masjid di sekitar Shah Alam. Proses dan penyediaan laporan ini adalah berdasarkan kepada data-data yang dikumpul melalui soal selidik yang disediakan. Para responden telah diberi penjelasan terlebih dahulu sebelum mereka menjawab soal selidik yang diedarkan.

Kajian bertujuan mengetahui minat dan kesedaran di kalangan wanita terhadap kelas-kelas agama yang diadakan di masjid-masjid di Shah Alam. Kajian ini juga ingin melihat sistem pembelajaran yang bersesuaian dengan kaum wanita serta daya tarikan untuk menghadiri majlis ilmu dan apakah masalah-masalah yang wujud dalam pembelajaran tersebut. Seterusnya, kajian ini ingin mengutarakan peranan persatuan-persatuan wanita dalam mempertingkatkan program-program keilmuan.

Keseluruhan, angkubah soal selidik diproses dan dianalisis dengan menggunakan ujian peratusan (%) melalui statistik deskripsi. Ia disokong oleh rajah dan jadual bagi memperkuatkan kenyataan yang dibicarakan.

4.2 ANALISA DAPATAN KAJIAN

Penulis akan memaparkan satu persatu hasil dapatan berdasarkan perumusan masalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab satu halaman 21. Ianya adalah seperti berikut:

4.2.1 Kesedaran dan Minat Kaum Wanita Terhadap Kelas Agama Yang Diadakan Di Masjid

Dapatan menunjukkan kebanyakan wanita mempunyai kekerapan secara mingguan dalam menghadiri kelas-kelas pengajian yang diadakan iaitu 158 orang (79%). Terdapat juga di kalangan mereka yang datang secara bulanan dan kadang-kadang iaitu masing-masing 7 orang (3.5%). Jadual di bawah menjelaskan kekerapan tersebut.

Jadual 4.1: Kekerapan Menghadiri Majlis Ilmu

| Kekerapan | Frekuensi | Peratus (%) |
|------------------|------------------|--------------------|
| Mingguan | 158 | 79.0 |
| Bulanan | 7 | 3.5 |
| Kadang-kadang | 7 | 3.5 |
| Bila masa lapang | 28 | 14.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Kesedaran yang tinggi ini bertepatan dengan syariat Islam yang memberi penekanan agar orang-orang beriman sentiasa berusaha mempertingkatkan dan berusaha menambah ilmu. Hal ini bersesuaian dengan doa yang diajar oleh Allah

s.w.t kepada Rasulullah s.a.w. dan sepatutnya diikuti pula oleh umat baginda s.a.w.. Firman Allah s.w.t :

وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا...

Maksudnya :

“...Wahai Tuhanku, tambahlah ilmuku”.¹

Surah Tāhā (20): 114

Selain daripada itu, Rasulullah s.a.w. turut menegaskan agar umatnya mendalami ilmu agama sebagaimana sabdanya:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ²

Maksudnya :

“Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah kebaikan, Dia akan memahamkannya dalam urusan agama”.

Di samping itu, kesedaran dan minat ini juga digambarkan oleh jadual 4.2. Dapatan menunjukkan pendorong bagi wanita untuk menghadiri majlis ilmu yang paling utama adalah diri sendiri iaitu seramai 168 orang (84 %). Dorongan daripada suami hanya 16 orang (8 %). Ini diikuti oleh kawan-kawan 10 orang (5%) dan keluarga atau saudara mara seramai 6 orang (3%).

¹ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 797.

² Al-Imām Ibn ‘Abdul Allāh Muhammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (1981), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, juzuk al-awwal, Bab man yuridi Allāhu bihi khairā yufaqqihhu. T.t.p : Dar al-Fikr, h. 26.

Jadual 4.2: Pendorong Menghadiri Majlis Ilmu

| Pendorong | Frekuensi | Peratus (%) |
|-----------------------|------------------|--------------------|
| Diri sendiri | 168 | 84.0 |
| Suami | 16 | 8.0 |
| Kawan-kawan | 10 | 5.0 |
| Keluarga/saudara mara | 6 | 3.0 |
| Jumlah | 193 | 100.0 |

Majoriti mereka juga faham bahawa menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap muslim tanpa mengira lelaki atau perempuan. Ini dijelaskan oleh jadual berikut;

Jadual 4.3: Menuntut Ilmu Wajib Bagi Setiap Muslim

| Pendapat | Frekuensi | Peratus (%) |
|-----------------|------------------|--------------------|
| Tidak setuju | 3 | 1.5 |
| Kurang setuju | 1 | 0.5 |
| Setuju | 14 | 7.0 |
| Sangat setuju | 182 | 91.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Berdasarkan jadual 4.3, 98 % atau 196 orang wanita menyatakan mereka sangat setuju dan setuju bahawa menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap muslim. Manakala 4 orang (2 %) sahaja menyatakan mereka kurang setuju dan tidak setuju dengan pendapat tersebut. Oleh itu kebanyakan mereka memahami tentang kewajiban untuk menuntut ilmu.

Walaubagaimanapun, sekiranya sesuatu ilmu yang membawa kepada ciri-ciri kekufuran atau penyelewengan barulah ianya tidak diharuskan.³ Oleh itu sewajarnya kaum wanita tidak melalaikan daripada mempelajari ilmu-ilmu fardhu 'ain dan fardhu kifayah. Al-Jabirī menjelaskan bahawa fardhu 'ain ialah ilmu yang mempertingkatkan² keperibadian wanita iaitu yang berkaitan dengan ibadah, akidah dan akhlak. Ilmu ini akan menentukan kesempurnaan iman dan amalnya serta kewajipannya terhadap tanggung jawabnya. Fardhu kifayah pula adalah ilmu yang dapat memenuhi keperluan masyarakat. Ini termasuklah pendidikan, pengurusan, perubahan dan ilmu pengurusan rumah tangga muslim.⁴

Jadual 4.4: Kekerapan Menghadiri Majlis Ilmu Mengikut Kategori Umur

| Kekerapan menghadiri majlis ilmu | | Umur | | | | | Jumlah |
|----------------------------------|---------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------------|--------|
| | | 20-25 thn | 26-30 thn | 31-35 thn | 36-40 thn | 40 thn ke atas | |
| Mingguan | Frekuensi | 1 | 3 | 8 | 32 | 114 | 158 |
| | % berbanding Jumlah | 0.5 | 1.5 | 4 | 16 | 57 | 79 |
| Bulanan | Frekuensi | | 1 | | 1 | 5 | 7 |
| | % berbanding Jumlah | | 0.5 | | 0.5 | 2.5 | 3.5 |
| Kadang-kadang | Frekuensi | | 2 | | 1 | 4 | 7 |
| | % berbanding Jumlah | | 1 | | 0.5 | 2 | 3.5 |
| Bila masa lapang | Frekuensi | | 1 | 2 | 6 | 19 | 28 |
| | % berbanding Jumlah | | 0.5 | 1 | 3 | 9.5 | 14 |
| Jumlah | Frekuensi | 1 | 7 | 10 | 40 | 142 | 200 |
| | % berbanding Jumlah | 0.5 | 3.5 | 5 | 20 | 71 | 100 |

Kesedaran dan minat juga mempunyai kaitan dengan faktor umur. Jadual 4.4 di atas menunjukkan responden yang berusia 40 tahun ke atas adalah yang paling ramai menghadiri majlis ilmu iaitu 142 orang (71 %) daripada responden. Seramai 114 orang daripada 142 golongan ini menghadiri majlis ilmu secara

³ Said Hawā (1977), *Al-Islām*, j. II. Qāherah : Maktabah Wahbah, h. 29.

⁴ 'Abdul Muta'al Muḥamad al-Jabirī (1986), *al-Mar'ah fi al-Tasawwur al-Islāmī*, cet. II. Qāherah: Maktabah Wahbah, h. 63.

mingguan. Golongan muda merupakan responden yang paling rendah menghadiri majlis ilmu iaitu seorang sahaja (0.5%). Oleh itu boleh disimpulkan bahawa semakin muda usia semakin kurang atau sedikit yang menghadiri majlis ilmu.

Berkemungkinan² ini disebabkan mereka kurang terikat dengan anak-anak. Lumrahnya, ibu-ibu yang berumur 40 ke atas, tidak lagi mempunyai anak-anak yang kecil. Sebahagiannya juga adalah pesara-pesara yang telah menggunakan 'umur emas' mereka untuk mengisi wadahnya yang murni terhadap masa lapang mereka. Ada juga segelintir masyarakat Islam yang beranggapan masa tua atau masa pencen merupakan masa untuk beribadat atau mencari ilmu. Hal ini sedikit sebanyak dibuktikan dengan kewujudan kelas Persatuan Orang-orang Pencen (POP) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan telah menarik ramai daripada jemaah kebanyakannya adalah wanita yang berumur lebih daripada 40 tahun. Terdapat juga sebilangan kecil ahli jemaah lelaki. Oleh itu seseorang muslim atau muslimah mestilah mengetahui sebanyak yang terdaya untuk mengetahui hal ehwal kehidupannya dengan sempurna seperti yang dituntut dalam Islam, yang meliputi berbagai-bagai aspek kehidupan.⁵

Realiti menunjukkan majoriti kehadiran untuk apa juga aktiviti keagamaan dimonopoli oleh golongan dewasa. Hanya 4% sahaja responden yang berumur antara 20-30 tahun. Hal ini perlu diberi perhatian, kerana golongan remaja merupakan golongan yang paling ramai merancang dan mengadakan aktiviti dalam masyarakat di samping merupakan aset yang penting dalam masyarakat. Oleh itu penglibatan mereka dalam memakmurkan masjid patutlah diberi

⁵ Burhanuddin al-Zanurjī (1947), *Ta'lim al-Muta'alim Tariq al-Ta'allum*. G.E Von Grunebaum (terj.). New York : King's Crown Press, h. 20.

perhatian serius kerana tanpa mereka sesebuah masyarakat dianggap masyarakat yang mati.⁶ Peranan masjid sebagai pusat kegiatan kemasyarakatan sebagaimana masjid-masjid pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. hendaklah diwujudkan. Selain daripada aktiviti sosial kelas-kelas ilmu juga mengambil kira pendekatan untuk golongan remaja agar ianya menjadi daya tarikan untuk menghadiri majlis-majlis ilmu tersebut.

Terdapat beberapa andaian terhadap responden (20-30 tahun) yang sedikit bilangannya (4%), berkemungkinan mereka masih belajar di mana-mana sekolah atau IPT menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk menghadiri majlis ilmu tersebut. Ada juga di kalangan mereka yang menghadiri program keilmuan di tempat kerja atau tempat mereka belajar.

Namun demikian pihak pengurusan masjid sepatutnya melakukan sesuatu agar remaja-remaja tersebut cinta dan berminat untuk ke masjid seperti mengadakan program pada musim-musim cuti pengajian atau persekolahan. Program-program juga mestilah menekankan unsur-unsur keremajaan yang bersesuaian dengan citarasa mereka. Hal ini disokong oleh Puan Zuraini binti Lamdin selaku Biro Muslimat Masjid al-'Ubudiyah, beliau telah mengadakan program-program keremajaan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan.⁷

Diharapkan melalui program tersebut dapat mengubah minda remaja dan mendekatkan diri dengan masjid. Dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, masjidlah menjadi salah satu institusi yang penting. Sejarah membuktikan

⁶ Zaluddin Hj. Sulaiman (1995), *Islam Dalam Kehidupan Masyarakat*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man, h. 71-72.

⁷ Temubual penulis dengan Hjh. Zuraini binti Lamdin, *op.cit.*

pendidikan Islam mempunyai pertalian yang rapat dengan masjid.⁸ Baginda Rasulullah s.a.w. bukan sahaja menyampaikan ilmu-ilmu keagamaan tetapi juga ilmu-ilmu mengenai hal ehwal kehidupan di masjidnya.⁹

Selain itu faktor pekerjaan juga ada hubung kait dengan kesedaran dan minat wanita menghadiri majlis ilmu. Keperihatinan wanita tentang hak mereka dalam bidang pendidikan menjelaskan seseorang wanita perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan tanpa mengira jawatan atau umur seseorang. Seseorang suri rumah bukanlah semata-mata bertujuan menyediakan makanan untuk keluarga malah mereka juga menjadi guru kepada anak-anak, penasihat kepada suami dan perancang hal ehwal masa depan keluarganya. Kenyataan ini disokong oleh jadual 4.5 di bawah di mana suri rumah adalah responden yang paling ramai menghadiri pengajian ilmu iaitu 80%. Diikuti oleh mereka yang bekerja di syarikat swasta atau bekerja sendiri, seramai 22 orang (11%). Wanita dari sektor kerajaan pula hanyalah 18 orang (9%) sahaja.

Jadual 4.5: Pekerjaan Responden

| Pekerjaan | Frekuensi | Peratus (%) |
|--------------------------|------------|--------------|
| Kerajaan | 18 | 9.0 |
| Swasta / bekerja sendiri | 22 | 11.0 |
| Surirumah | 160 | 80.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

⁸ Ahmad Syalabi (1976), *Sejarah Pendidikan Islam*. Mukhtar Yahya, M. Samsi Latiff (terj.). Singapura : Pustaka Nasional, h. 72.

⁹ Abdul Hameed Siddiqi (1969), *The Life of Muhammad*. Lahore : Islamic Publications Ltd., h. 170.

Rajah 4.6 pula menggambarkan kehadiran mereka dinisbahkan kepada kekerapan.

Jadual 4.6: Kekerapan Menghadiri Majlis Ilmu Mengikut Pekerjaan

| Kekerapan menghadiri majlis ilmu | | Pekerjaan | | | Jumlah |
|----------------------------------|---------------------|-----------|--------------------------|-----------|--------|
| | | Kerajaan | Swasta / bekerja sendiri | Surirumah | |
| Mingguan | Frekuensi | 16 | 19 | 123 | 158 |
| | % berbanding Jumlah | 8 | 9.5 | 61.5 | 79 |
| Bulanan | Frekuensi | | 1 | 6 | 7 |
| | % berbanding Jumlah | | 0.5 | 3 | 3.5 |
| Kadang-kadang | Frekuensi | 1 | | 6 | 7 |
| | % berbanding Jumlah | 0.5 | | 3 | 3.5 |
| Bila masa lapang | Frekuensi | 1 | 2 | 25 | 28 |
| | % berbanding Jumlah | 0.5 | 1 | 12.5 | 14 |
| Jumlah | Frekuensi | 18 | 22 | 160 | 200 |
| | % berbanding Jumlah | 9 | 11 | 80 | 100 |

Walau bagaimana pun ini bukanlah bermakna mereka yang bekerja swasta atau kerajaan tidak berminat dengan majlis tersebut. Andaian yang boleh dilihat berkemungkinan mereka telah menghadirkan diri dalam majlis-majlis ilmu yang diadakan di tempat kerja masing-masing.¹⁰ Berbanding dengan surirumah-surirumah mereka tidak terikat dengan masa, bahkan mereka mempunyai kebebasan untuk merancang masa mengikut selera mereka. Ini berbeza dengan mereka yang bekerja secara formal kerana mereka lebih terikat dengan masa yang telah ditentukan mengikut majikan masing-masing.

¹⁰ Hasil temubual penulis dengan tenaga pengajar, majoriti mereka terlibat dengan kelas-kelas pengajian di pejabat-pejabat atau tempat-tempat kerja swasta.

Jadual 4.7: Kekerapan Menghadiri Majlis Ilmu Mengikut Tahap Pendidikan

| Kekerapan menghadiri majlis ilmu | | Tahap Pendidikan | | | | | Jumlah |
|----------------------------------|---------------------|------------------|------|---------|--------|-----------|--------|
| | | < SPM | STPM | Diploma | Ijazah | Lain-lain | |
| Mingguan | Frekuensi | 83 | 25 | 34 | 15 | 1 | 158 |
| | % berbanding Jumlah | 41.5 | 12.5 | 17 | 7.5 | 0.5 | 79 |
| Bulanan | Frekuensi | 4 | 2 | | 1 | | 7 |
| | % berbanding Jumlah | 2 | 1 | | 0.5 | | 3.5 |
| Kadang-kadang | Frekuensi | 5 | 1 | 1 | | | 7 |
| | % berbanding Jumlah | 2.5 | 0.5 | 0.5 | | | 3.5 |
| Bila masa lapang | Frekuensi | 17 | 2 | 6 | 2 | 1 | 28 |
| | % berbanding Jumlah | 8.5 | 1 | 3 | 1 | 0.5 | 14 |
| Jumlah | Frekuensi | 109 | 30 | 41 | 18 | 2 | 200 |
| | % berbanding Jumlah | 54.5 | 15 | 20.5 | 9 | 1 | 100 |

Tahap pendidikan responden juga mempengaruhi kesedaran dan minat mereka. Dapatan menunjukkan (jadual) kebanyakan responden iaitu 109 orang (54.5 %) wanita menghadiri majlis ilmu adalah mereka yang berpendidikan SPM dan ke bawah. Ini diikuti oleh wanita yang berkelulusan diploma seramai 41 orang (20.5%), STPM seramai 30 orang (15.0%), ijazah 18 orang (9%) dan lain-lain 2 orang (1.0%). Oleh yang demikian dapatan menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan semakin kurang wanita yang menghadiri majlis ilmu.

Hal ini berkemungkinan mereka tidak berpeluang untuk menuntut ilmu di masa lampau dan telah mempunyai kesedaran di atas kekurangan tersebut. Apabila ditinjau dari sudut aliran pendidikan responden, Aliran Sastera adalah teramai (58%) diikuti Aliran Sains (18.5%). Aliran Agama (13.5%) dan lain-lain (10%). Ini digambarkan oleh jadual 4.8.

Jadual 4.8: Aliran Pendidikan Responden

| Aliran | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------|------------------|--------------------|
| Sastera | 116 | 58.0 |
| Sains | 37 | 18.5 |
| Agama | 27 | 13.5 |
| Lain-lain | 20 | 10.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Dalam hal ini beberapa kemungkinan boleh dibuat, antaranya ialah mereka yang berpendidikan dan bekerja telah mengikuti majlis-majlis ilmu di tempat kerja atau kemungkinan mereka juga memanfaatkan kepelbagaian alat-alat komunikasi seperti internet, VCD, CD, DVD dan lain-lain. Golongan yang berkemampuan pula, mereka telah menjemput tenaga-tenaga pengajar dan mengadakan kelas-kelas pengajian di rumah-rumah kediaman mereka.¹¹ Berkemungkinan juga segelintir sahaja yang bersikap mereka sudah tinggi pelajaran dan tidak perlu lagi melibatkan diri dalam pengajian ilmu. Andaian ini wajar dijauhi oleh setiap individu muslim.

Wanita yang berilmu akan membuat pertimbangan sebelum mengambil sesuatu tindakan, berusaha memperbaiki dirinya dan berupaya mencapai taraf yang lebih tinggi. Sekiranya seseorang sudah mendapat pendidikan yang tinggi, konsep 'Pendidikan Seumur Hidup' hendaklah diamalkan.¹² Umur bukannya penentu dan ini digambarkan oleh jadual 4.4 yang menunjukkan 142 orang (71%) daripada responden adalah berumur 40 tahun ke atas.

¹¹ Kelas-kelas di rumah persendirian ini kadang kala dianjurkan oleh persatuan-persatuan tertentu seperti persatuan penduduk dan NGO dan mereka bergilir-gilir rumah mengikut persetujuan masing-masing.

¹² Nik Safiah Karim (1990). *Wanita Malaysia : Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing and Distributors Sdn. Bhd., h. 54.

Kesedaran di kalangan wanita juga dapat diukur melalui sikap mereka semasa menghadiri kelas-kelas pengajian. Seramai 94.5% daripada mereka membuat catatan semasa menghadiri kelas-kelas pengajian dan hanya 5.5% tidak membuat catatan. Lihat jadual di bawah.

Jadual 4.9: Membuat Catatan

| Catat | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------|-----------|-------------|
| Ya | 189 | 94.5 |
| Tidak | 11 | 5.5 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Perkara ini amat penting dalam sesuatu pengajian kerana tanpa membuat apa-apa catatan seolah-olah seseorang pergi memburu ke dalam hutan tanpa membawa alat-alat buruan. Hal ini dinyatakan oleh Imām al-Syāfi'ī dalam syairnya yang bermaksud :

“Pengetahuan itu laksana binatang buruan dan tulisan itu talinya; maka sebab itu ikatlah buruanmu itu dengan tali yang kokoh. Di antara kekadang orang, jika ia memburu binatang rusa, ia meninggalkannya di antara orang ramai dengan terlepas.”¹³

Dapatan kajian menyokong pandangan Imām Syāfi'ī apabila 199 orang (99.5%) berpendapat ilmu mereka telah bertambah selepas menghadiri majlis-majlis ilmu tersebut dan 0.5% tidak mendapat apa-apa. Lihat jadual di bawah.

¹³ K.H. Moenawar Chalil (1955), *Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab*. Jakarta : PT Bulan Bintang, h. 155.

Jadual 4.10: Apa Yang Diperolehi Selepas Menghadiri Majlis Ilmu

| Peroleh | Frekuensi | Peratus (%) |
|-------------------|-----------|-------------|
| Ilmu bertambah | 199 | 99.5 |
| Tak dapat apa-apa | 1 | 0.5 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Walaupun tidak dinafikan segelintir daripada responden tidak membuat catatan, ini berkemungkinan faktor umur dan faktor pendidikan. Namun mereka patut diberi pujian kerana pengorbanan menghadiri majlis di samping mendapat keberkatan daripada majlis tersebut.

Jadual 4.11: Kekerapan Menghadiri Majlis Ilmu Mengikut Pendapat Responden Menuntut Ilmu Wajib Bagi Setiap Muslim

| Kekerapan | Menuntut ilmu wajib bagi setiap muslim | | | | Jumlah |
|------------------|--|---------------|--------|---------------|--------|
| | Tidak setuju | Kurang setuju | Setuju | Sangat setuju | |
| Mingguan | 2 | 1 | 7 | 148 | 158 |
| Bulanan | | | 2 | 5 | 7 |
| Kadang-kadang | | | 2 | 5 | 7 |
| Bila masa lapang | 1 | | 3 | 24 | 28 |
| Jumlah | 3 | 1 | 14 | 182 | 200 |

Kesedaran responden jelas terbukti apabila dapatan menunjukkan 182 wanita menyatakan mereka sangat setuju menuntut ilmu wajib bagi setiap muslim. 148 daripadanya menghadiri majlis ilmu secara mingguan (lihat jadual 4.11). Hanya 3 orang responden yang berpendapat mereka tidak setuju menuntut ilmu itu wajib bagi setiap muslim. Kefahaman tersebut menunjukkan kebanyakan responden mempunyai kesedaran yang mendalam dan ini mempengaruhi sikap dalam menuntut ilmu. Bukan setakat itu sahaja, mereka merasakan perlu ianya

sentiasa dipenuhi dalam jarak yang dekat supaya wujud keseimbangan antara setiap pelajaran.

Kesimpulannya, analisis dapatan menunjukkan responden mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menghadiri kelas-kelas yang diadakan di masjid-masjid. Mereka juga menunjukkan minat yang mendalam semasa menghadiri kelas-kelas tersebut. Implikasi daripada kesedaran dan minat ini pula akan berupaya melahirkan masyarakat Islam yang berilmu dan bermaklumat serta memiliki keimanan yang kental lagi ampuh demi menghadapi cabaran kini.

4.2.2 Daya Tarikan dan Sistem Pembelajaran yang Bersesuaian dengan Kaum Wanita

Rajah 4.1: Cara Menarik Orang Ramai Mengikuti Kelas Pengajian



Dapatan juga menunjukkan menjemput penceramah terkenal menjadi daya tarikan terbaik di kalangan wanita yang mengikuti kelas pengajian iaitu, mewakili 55 % daripada responden. 23% responden melalui cara memberi nota ringkas dan 22%

berpendapat AJK masjid menunjukkan teladan masing-masing (rujuk rajah 4.1). Penemuan kajian ini menjelaskan bahawa faktor kemanusiaanlah yang banyak berperanan untuk menjayakan program pengajaran keagamaan di kalangan wanita. Penumpuan ini termasuklah pengajaran wanita yang sedang beroperasi di kawasan Shah Alam.¹⁴ Penceramah-penceramah terkenal dan tersohor lebih banyak berkisar kepada kebijaksanaan, pengalaman, kewibawaan, kebolehan dan ketokohan mereka untuk memikat dan menarik minat para jemaah. Sebahagian ciri-ciri yang diketengahkan oleh responden termasuklah:¹⁴

- i. Mempunyai gaya tersendiri untuk menarik minat penonton
- ii. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas. Sebolehnya berkelulusan daripada IPTA dalam atau luar negara.
- iii. Tidak menyembunyikan fakta-fakta yang sebenar dan maklumat-maklumat tersebut jelas dan relevan dengan isu-isu semasa.
- iv. Penyampaiannya padat dan bernas di samping nada suara yang jelas dan bahasa yang senang difahami.
- v. Mempunyai akhlak yang baik dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

Jelaslah bahawa faktor ketokohan, pengalaman dan kewibawaan para penceramah menjadi daya tarikan kepada kaum wanita di Shah Alam untuk menghadiri diri dalam majlis-majlis ilmu. Walaubagaimana pun tidak dinafikan bahawa AJK masjid dianggap sebagai faktor sampingan menyuntik semangat dan menjana sambutan orang ramai menghadiri diri ke program-

¹⁴ Maklumat berdasarkan jawapan responden daripada borang soal selidik yang diedarkan.

program yang dirancangkan. Penemuan kajian mendapati 22% daripada responden berpendapat ahli jawatankuasa masjid adalah individu contoh yang paling hampir untuk diteladani. Mereka berupaya menanamkan sifat positif ke dalam jiwa pengunjung. Sekiranya pentadbiran kelas tersebut kemas, teratur dan sistematik sudah tentu ia menjadi daya penarik kaum wanita untuk menghadirkan diri ke program-program yang diadakan. Oleh itu ahli jawatankuasa masjid wajar menunjukkan teladan yang baik kepada jemaah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah ;

كَبِيرٌ مَّقْتَبًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya :

“Amat besar kebenciannya di sisi Allah, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya”.¹⁵

Surah al-Saf (61) : 3

Bentuk teladan ini boleh diaplikasikan samada dengan menghadirkan diri ke kelas-kelas pengajian atau menjadikan budi pekertinya sebagai contoh kepada masyarakat.

﴿٣﴾

Di samping faktor kemanusiaan, faktor peralatan juga menjadi daya tarikan kaum wanita untuk mengikuti kelas pengajian. Dapatan menunjukkan walaupun bahan teks digunakan tetapi nota ringkas wajar juga diedarkan. Ia dapat membantu para jemaah untuk menyemak dan menghalusi intipati bahan perbincangan secara teliti.¹⁶

¹⁵ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 1502.

¹⁶ Temubual penulis dengan ustazah Masirah Maslan, *op.cit.*

Dapatan menunjukkan kebanyakan wanita meletakkan isi kandungan pengajian sebagai faktor tarikan tertinggi yang menyebabkan pengajian ilmu diminati iaitu sebanyak 60%. Faktor kedua ialah penyampaian yang menarik sebanyak 30% dan faktor ketiga masa yang sesuai 8% dan terakhir suasana yang selesa iaitu 2%. Lihat jadual 4.12.

Jadual 4.12: Sebab Pengajian Diminati

| Sebab | Frekuensi | Peratus(%) |
|---------------------|------------------|-------------------|
| Isi Kandungan | 120 | 60.0 |
| Suasana Selesa | 4 | 2.0 |
| Penyampaian Menarik | 60 | 30.0 |
| Masa Sesuai | 16 | 8.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Dapatan kajian menunjukkan bahawa jadual yang disediakan (rujuk jadual 3.2, 3.3, 3.4, 3.5, 3.6, 3.7, mengandungi mata pelajaran dan bidang pengajian) oleh Biro Muslimat adalah terbaik dari aspek subjek-subjeknya kerana ia telah memenuhi majoriti kehendak pendengar (60%). Pihak pengurusan masjid khususnya Biro Muslimat telah menyediakan jadual waktu yang bercetak dan telah mengedarkannya kepada ahli qariah khususnya muslimat. Walaubagaimanapun segelintir daripada mereka tidak mengetahui atau lupa tentang kewujudannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 14 orang (7%) tidak tahu dan 186 orang (93%) tahu dan menggunakan kemudahan jadual yang disediakan oleh Biro Muslimat tersebut. Lihat jadual di bawah.

Jadual 4.13: Jadual Disediakan

| Jadual | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------|-----------|-------------|
| Ya | 186 | 93.0 |
| Tidak | 14 | 7.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Perkara ini terjadi berkemungkinan disebabkan mereka baru tinggal di Shah Alam atau mereka jarang-jarang datang ke majlis ilmu. Sikap masyarakat hari ini yang kurang memberi perhatian terhadap sesuatu perkara khususnya dalam bidang pengajian, juga menyokong faktor di atas. Walaupun jadual tersebut telah disebar dan dilekatkan pada tempat-tempat yang strategik untuk dipamerkan seperti tangga-tangga atau pintu-pintu rumah tetapi mereka masih tidak menghadiri majlis-majlis tersebut.¹⁷

Penyampaian yang menarik juga telah berjaya menarik sambutan daripada kaum wanita iaitu 30%. Oleh itu, selain teks keberkesanan pengajaran lebih banyak bergantung kepada ketokohan dan pengalaman tenaga pengajar. Semua tenaga pengajar yang terlibat adalah lulusan daripada Institut Pengajian Tinggi samada luar atau dalam negeri atau yang setaraf dengannya. Kebanyakannya telah terlibat dengan kelas-kelas pengajian lebih daripada 10 tahun.¹⁸ Kewibawaan yang ditonjolkan oleh pengajar serta penyampaian yang menarik mampu menarik dan menyuntik minat kaum wanita untuk menghadiri kelas-kelas pengajian yang diadakan. Walaupun mereka berpandukan kepada teks rujukan tetapi pengolahan, pengupasan dan penghuraian adalah mengikut citarasa semasa.¹⁹ Tenaga pengajar

¹⁷ Temubual penulis dengan Puan Sa'adiyah Budin, *op cit*.

¹⁸ Temubual penulis dengan penceramah-penceramah.

¹⁹ Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap semua masjid yang dikaji.

juga menggunakan metode sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah dengan sabdanya;

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا بَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا²⁰

Maksudnya :


“Hendaklah kamu permudahkan dan jangan menyusahkan, berilah khabar gembira dan jangan menakutkan”.

Kesesuaian waktu mengajar juga dilihat sebagai suatu daya tarikan kepada wanita-wanita ke majlis ilmu. Walaupun hanya 16 orang (8%) sahaja yang meminati kelas disebabkan masa yang sesuai tetapi penjadualan yang anjal di masjid-masjid menyebabkan mereka memilih masa yang bersesuaian samada hari minggu (pagi atau petang) atau hari-hari selain hari minggu.

Oleh itu majoriti responden berpuas hati dengan isi kandungan atau subjek yang ditetapkan. Penyampaian yang menarik pula merupakan suntikan penting kepada para jemaah tersebut. Oleh itu tenaga pengajar mestilah mengenali, memahami dan mengetahui kumpulan sasaran yang bakal diberi ceramah atau kelas tersebut. Ini bertujuan agar pengolahan, pengupasan dan huraian setiap ceramah atau kelasnya menarik perhatian pengunjung. Justeru itu, pengajar perlu mempelbagaikan teknik penyampaian mereka supaya setiap kupasan tersebut menepati citarasa pendengar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa suasana yang selesa bukanlah perkara pokok yang menjadi daya penarik untuk menghadiri majlis ilmu.

²⁰ Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī (t.t.), 'Umdah al-Qārī Syarḥ Saḥīḥ al-Bukhārī, j. II, no. hadith 11. t.t.p : Dār al-Fikr, h. 45.

Rajah 4.2: Bentuk Pengajian Yang Digemari



Dapatan menunjukkan kebanyakan responden gemar menggunakan buku teks dalam sistem pengajian mereka iaitu 99 orang (49.5%). Terdapat juga di kalangan mereka yang meminati ceramah umum iaitu 84 orang (42%). Hanya sebilangan kecil sahaja peratusan yang meminati kursus atau seminar dan forum atau dialog iaitu masing-masing 3% dan 6% (rujuk rajah 4.2). Dapatan ini menyokong usaha-usaha yang dibuat oleh Biro Muslimat di setiap masjid yang dikaji, menetapkan bahawa setiap subjek mempunyai teks masing-masing kecuali kuliah umum. Begitu juga pihak pengurusan masjid Tun Uda Seksyen 16 telah mewajibkan bahawa setiap penceramah mestilah menggunakan teksnya.²¹

Biasanya penggunaan teks akan disusuli dengan penerangan daripada penceramah tersebut. Hal ini dilakukan di zaman Rasulullah s.a.w., kerana walaupun al-Qurān di turunkan dalam Bahasa Arab, namun terdapat juga ayat-ayat yang sukar difahami oleh orang-orang Islam semasa itu. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. menjelaskan makna atau matlamat yang dikehendaki oleh al-

²¹ Temubual penulis dengan Hj. Abdullah Yunus, *op.cit.*

Qur'ān itu.²² Oleh itu wajarlah dikekalkan penggunaan buku teks. Selain menyenangkan pihak tenaga pengajar, para pendengar juga senang mengikuti semula pelajaran-pelajaran yang tertinggal (sekiranya mereka tidak hadir). Kesenambungan antara pelajaran-pelajaran adalah penting untuk menarik minat pendengar. Walaubagaimana pun terdapat juga mereka yang lebih suka datang tanpa membawa buku-buku yang dibeli. Budaya 'suka mendengar' ini akan menyebabkan ilmu yang disampaikan cepat lupa dan lebih cenderung untuk tidur.²³

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kursus atau seminar adalah yang paling sedikit (5 orang) dipilih oleh responden. Kelas-kelas pengajian secara mingguan yang mereka hadiri memang kurang sesuai diadakan dalam bentuk kursus atau seminar kerana mereka perlukan kekerapan dan tumpuan yang penuh secara dua hala. Walaubagaimana pun sekiranya diadakan kursus atau seminar sekali sekala ia telah mendapat sambutan yang memuaskan.²⁴

Di samping itu, kebanyakan responden berpendapat sistem atau kaedah penyampaian yang berkesan ialah komunikasi dua hala iaitu 114 orang (57 %), 72 orang (36 %) responden berpendapat memberikan nota kepada pendengar dan 14 orang (7%) wanita berpendapat komunikasi sehalu adalah kaedah penyampaian yang berkesan. Lihat jadual di bawah.

²² Mansor A. Quraisyī (1970), *Some Aspects of Muslim Education*. Baroda : Sadhana Press, h. 45.

²³ Temubual penulis dengan Ustaz Safwan Fathy, *op.cit.*

²⁴ Temubual penulis dengan Ketua Biro Muslimat 'Ubudiyah, Seksyen 19

Jadual 4.14: Kaedah Penyampaian Yang berkesan

| Kaedah | Frekuensi | Peratus (%) |
|-----------------------|------------------|--------------------|
| Komunikasi sehalah | 14 | 7.0 |
| Komunikasi dua hala | 114 | 57.0 |
| Nota kepada pendengar | 72 | 36 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Oleh itu konsep pro-aktif antara pendengar dan penceramah wajar dikekalkan kerana berdialog atau komunikasi dua hala dapat menyelesaikan masalah atau menjawab kemusykilan mereka, tambahan pula dalam situasi umur yang puratanya 40 tahun ke atas. Ahli-ahli pendidikan Islam telah mengenal metode dialog yang dianggap oleh pendidik-pendidik moden berasal dari ahli fahsafah Yunani Socrates, kemudian mereka kembangkan sesuai dengan tabiat agama dan akhlaknya.²⁵ Walaupun mereka belajar dari dialog dan logika Yunani dalam dialog, tetapi sumber pertama yang asasi yang mereka pegang adalah al-Qur'an, Sunah Nabi dan peninggalan ulama-ulama dahulu. Kadang kala Al-Qur'an juga menggunakan metode dialog untuk menunduk dan meyakinkan pembaca dalam berbagai tempat dan bentuk yang indah.²⁶ Ini termasuklah firman Allah Surah al-Naml ayat 56-64 dan Surah al-Mukminun ayat 84-90.

Begitu juga Rasulullah s.a.w. banyak menggunakan metode dialog bersama sahabat-sahabatnya dan dengan musuh-musuh Islam dari golongan musyrikin dan Ahli Kitab. Para pemimpin dan ulama Islam juga menggunakan metode dialog, soal jawab, perbincangan dan perdebatan. Misalnya perdebatan yang hebat telah

²⁵ Umar Muhammad al-Toumy al-Syaibani (1979), *Falsafah Pendidikan Islam*, Hasan Langgulung (terj). Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, h. 566.


²⁶ *Ibid.*, h. 568.

berlaku di antara al-Ḥasan al-Baṣrī dengan Waṣīl bin Aṭā' tentang masalah orang yang melakukan dosa besar.²⁷

Jelaslah bahawa komunikasi dua hala memang cara yang berkesan dan telah terbukti melalui ilmu zaman dahulu hingga zaman kini. Teknik dan pendekatan seumpama ini boleh menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh kaum wanita. Ia sekaligus dapat memberi kefahaman yang jitu tentang sesuatu persoalan yang dibicarakan.

4.2.3 Peranan Persatuan Wanita

Rajah 4.3: Pendapat Persatuan Wanita Wajar Tingkatkan Kelas Pengajian Wanita



Persatuan Wanita wajar tingkatkan kelas pengajian wanita

Berdasarkan pandangan responden, kebanyakan bersetuju bahawa persatuan-persatuan wajar mempertingkatkan kelas-kelas pengajian wanita. Seramai

²⁷ *Ibid*, h. 570.

183 orang (91.5%) bersetuju, manakala 10 orang (5%) kurang pasti, 3 orang (1.5%) kurang setuju dan 4 orang (2%) tidak setuju (rujuk rajah 4.3). Dapatan ini menunjukkan bahawa di samping faktor kemanusiaan dan peralatan, persatuan wanita juga berperanan untuk melancarkan lagi pelaksanaan kelas-kelas pengajian di kalangan wanita.²⁸ Walaupun kelas-kelas tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh Biro Wanita atau Muslimat di masjid masing-masing, tetapi pemantapan dan pengukuhan kelas-kelas tersebut lebih terserlah sekiranya persatuan wanita yang ada di Shah Alam sama-sama berganding bahu menjayakannya.

Di sini penulis akan mengutarakan dua daripada persatuan-persatuan tersebut yang dianggap badan utama yang memayungi badan-badan wanita yang lain. Persatuan tersebut ialah Unit Muballighah JAIS dan Woman Institute (WI).

a) Unit Muballighah

Unit Muballighah telah ditubuhkan pada 1992 bermatlamatkan untuk mewujudkan kumpulan pendakwah wanita yang terdiri daripada wanita Islam yang berminat dan mempunyai kepakaran dalam berbagai bidang. Misinya pula ialah untuk menyampai dan menyebarkan kefahaman dan kesedaran Islam seluas mungkin dalam masyarakat.²⁸ Unit ini mensasarkan tiga lapisan masyarakat yang terdiri daripada orang dewasa, remaja dan kanak-kanak. Objektifnya agar mereka menjadi masyarakat yang beriman, berilmu, beramal, berakhlak, dihormati dan dicontohi oleh masyarakat. Untuk mencapai objektif ini, sebahagian besar daripada perancangan aktiviti tahunan difokuskan kepada majlis keilmuan (lihat lampiran 7). Ada juga di

²⁸ Kertas perbincangan Unit Muballighah JAIS pada 14 Mac 2001, di Jabatan Agama Islam Selangor, h. 1.

antara programnya dilaksanakan secara kerjasama dengan lain-lain persatuan seperti HAWA Negeri Selangor, LKPI Negeri Selangor, Persatuan Puteri Islam Negeri Selangor, WI Negeri Selangor dan Ahli Jawatankuasa Wanita Surau-surau di sekitar Shah Alam. Ini termasuklah program Penghayatan Ramadan dan Program Khas Maal Hijrah untuk sambutan maulidur Rasul.²⁹

b) Woman Institute (WI)

Woman Institute (WI) juga dikenali sebagai Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (PPP). Pada peringkat awal (pada zaman pemerintahan Inggeris) WI dianggotai oleh isteri-isteri pegawai kerajaan. Matlamat mereka adalah untuk membantu suami menjalankan kegiatan sosial kepada penduduk-penduduk di bandar dan di kampung. Pertubuhan ini berbentuk sosial.³⁰

WI merupakan sebuah badan NGO yang bebas dan keahliannya terbuka kepada semua bangsa. Di Daerah Petaling terdapat 18 cawangan WI telah ditubuhkan dan 9 daripadanya adalah di Shah Alam. Ia ditubuhkan sejak tiga tahun yang lepas dengan jumlah keahliannya seramai 2 000 orang.³¹ WI mempunyai peranan yang menyeluruh kerana kepelbagaian aktiviti dan juga merangkumi semua bangsa. Dalam bidang pengajian, kelas-kelas banyak tertumpu dari rumah ke rumah termasuklah di kalangan elit dan bangsawan. Selain daripada itu pihak WI juga menganjurkan kelas-kelas di surau-surau dan masjid dan kadangkala bekerjasama dengan lain-

²⁹ Ia telah dilaksanakan sebagai acara tahunan dan merangkumi golongan remaja dan dewasa. Program ini bukan setakat di Shah Alam, tetapi diperluaskan sambutannya di peringkat daerah. Temubual penulis dengan Hjh. Shahrumbi Abu Mansur, Setiausaha Unit Muballighah JAIS pada 19 September 2002 di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah jam 11 pagi.

³⁰ Andek Masnah Andek Kelawa, *op.cit.*, h. 141.


³¹ Temubual penulis dengan Hjh. Mariah Musa, *op.cit.*

lain pertubuhan wanita seperti Unit Muballighah. Di samping kelas-kelas pengajian, WI juga menganjurkan kelas-kelas memasak, marhaban dan mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negeri. Pada tahun 2002, WI telah menganjurkan lawatan ke Vietnam, Sarawak, Dubai dan Singapura. Ia disertai oleh seramai 30-45 ahli.³²

Berdasarkan kewibawaan persatuan wanita di atas, jelaslah bahawa kelancaran dan keberkesanan pengajaran di masjid adalah manifestasi usaha daripada semua pihak. Peranan persatuan-persatuan wanita juga menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pengajaran ini.

4.2.4 Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian di Kalangan Wanita

Rajah 4.4: Masalah Yang Dihadapi Semasa Kelas Pengajian



Dapatan menunjukkan kebanyakan wanita menyatakan masalah yang paling kerap dihadapi oleh wanita semasa kelas pengajian ialah suasana tempat belajar dan masa yang tidak sesuai iaitu 57 orang (28.5%). Ini diikuti oleh gangguan bising daripada kanak-kanak kecil iaitu 47 orang (23.5%) dan bahasa penceramah

³² *Ibid.*

yang sukar difahami seramai 23 orang (11.5%). Walaubagaimanapun 73 orang (36.5%) tidak mempunyai apa-apa masalah ketika menghadiri majlis ilmu (rajab 4.4). Kebanyakan mereka memandu kereta sendiri untuk menghadiri majlis ilmu. Oleh itu mereka tidak mempunyai apa-apa masalah dari sudut pengangkutan dan mereka yang tinggal berhampiran dengan masjid pula, akan berjalan kaki. Dari sudut kewangan pula, hampir separuh daripada responden tidak mempunyai pendapatan iaitu 99 orang (49.5%). Bagi mereka yang mempunyai pendapatan, seramai 37 orang (18.5 %) mempunyai pendapatan kurang daripada RM1000. Manakala 31 orang (15.5 %) berpendapatan di antara RM1 000- RM2 000 diikuti 20 orang (10%) berpendapatan RM2 000-RM3 000 manakala 8 orang (4%) berpendapatan RM3 000-RM4 000. Mereka yang berpendapatan lebih daripada RM5000 hanyalah seramai 5 orang sahaja. Lihat jadual di bawah.

Jadual 4.15: Pendapatan Responden

| Pendapatan | Frekuensi | Peratus (%) |
|-------------------|------------------|--------------------|
| <RM1000 | 37 | 18.5 |
| RM1000- RM2000 | 31 | 15.5 |
| RM2000-RM3000 | 20 | 10.0 |
| RM3000-RM4000 | 8 | 4.0 |
| >RM5000 | 5 | 2.5 |
| Tiada Pendapatan | 99 | 49.5 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Walaupun tidak mempunyai pendapatan sendiri tetapi kedudukan keluarga menyokong kuat dari sudut kewangan. Ini jelas terbukti apabila edaran tabung dilakukan, kutipannya agak memuaskan (walaupun jumlahnya tidak tetap). Keadaan ini secara tidak langsung mendidik jiwa dengan amalan yang mulia iaitu bersedekah. Firman Allah:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَتَيْتَ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ
سُئْلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya :

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya)”.³³

Surah al-Baqarah(2) : 261

Masalah yang kerap dihadapi oleh wanita semasa kelas ialah suasana dan masa yang tidak sesuai iaitu 28.5%. Ini lebih merujuk kepada orang yang bekerja mengikut ‘waktu pejabat’ kerana kelas bermula pukul 3.00 petang. Ada juga yang tidak bekerja tetapi terikat dengan menjaga atau mengasuh anak jiran-jiran atau mereka yang menjaga cucu. Suasana yang tidak selesa pula merujuk kepada kelas yang agak terbuka kepada kebisingan atau lalu lintas di sekitarnya. Biasanya kelas wanita diadakan di anjung atau beranda masjid. Oleh itu, kadangkala kebisingan daripada luar mengganggu pengajian. Sebanyak 47 orang (23.5%) menjelaskan keadaan tersebut. Begitu juga dengan kebisingan kanak-kanak, hal ini tidak dapat dielakkan kerana ibu-ibu terpaksa membawa bersama anak-anak mereka kerana kebanyakan surirumah tidak mempunyai pembantu dan anak-anak yang lain masih di alam persekolahan. Hanya segelintir sahaja iaitu 23 orang (11.5%) merasakan bahasa penceramah sukar difahami. Berkemungkinan perkara ini disebabkan tahap pendidikan wanita tersebut atau kadang kala bahasa penceramah yang agak moden dan tinggi tidak bersesuaian dengan tahap pemikiran sebahagiannya. Saidina ‘Ali r.a. pernah mengatakan;

³³ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op. cit.*, h. 104-105.


Maksudnya :

“Berbicaralah kepada khalayak ramai sesuai dengan pengetahuannya”.³⁴

Oleh itu, sewajarnya semua pihak memikirkan masalah ini agar mereka dapat memberi tumpuan kepada majlis ilmu kerana konsentrasi di dalam menuntut ilmu merupakan persyaratannya yang dituntut setiap saat dan situasi.³⁵ Hal ini disokong oleh Imām al-Ghazālī. Katanya :

*“Ilmu tidak akan memberikan sebahagiannya kepadamu, sebelum seluruh dirimu diberikan kepadanya. Jika kamu memberikan seluruh dirimu kepadanya, maka ia akan memberikan sebahagiannya kepadamu. Fikiran yang terbahagi kepada berbagai perkara yang beraneka, ibarat sungai yang airnya terbagi-bagi, sebahagian diserap oleh tanah dan sebahagian lagi menguap ke udara, sehingga petani tidak mendapatkan sisanya.”*³⁶

Rajah 4.5: Halangan Wanita Menghadiri Majlis Ilmu



³⁴ Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Qāherah : Dār al-Iḥyā al-Kutub al-'Arabīyyah, h. 34.

³⁵ Fathīyyah Ḥassan Sulaymān (1986), *Alam Fikiran al-Ghazālī Mengenai Pendidikan dan Ilmu*. Harry Noer Ali (terj.). Bandung : Penerbit CV Diponegoro, h. 57.

³⁶ Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (t.t), *Iḥyā' 'Ulūm al-dīn*. Qāherah : Dār al-Syabī, h. 44.

Selain permasalahan di atas, responden berpendapat halangan utama wanita untuk menghadiri majlis-majlis ilmu ialah tiada kesedaran iaitu seramai 110 orang (55%). Seramai 73 orang (36.5%) wanita berpendapat faktor rumahtangga dan anak-anak menjadi halangan utama dan pekerjaan hanya 15 orang (7.5%) (rujuk rajah 4.5). Oleh itu keluarga bukanlah penghalang untuk mencari ilmu. Hal ini dipertengahan lagi oleh kajian di mana (96.5%) daripada responden adalah berkeluarga dan hanya 7 orang (3.5%) adalah tidak berkeluarga. Lihat jadual di bawah.

Jadual 4.16: Status Responden

| Berkeluarga | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------|------------|--------------|
| Ya | 193 | 96.5 |
| Tidak | 7 | 3.5 |
| Jumlah | 200 | 100.0 |

Di sini dipaparkan beberapa para ilmunan yang menjelaskan bahawa kemiskinan, kecacatan dan keadaan persekitaran yang tidak stabil bukan alasan untuk menuntut ilmu dan mencapai kecemerlangan. Imām al-Syāfi'ī (meninggal dunia 820 Masihi), anak yatim dan miskin, telah menghafal al-Qur'ān ketika berumur 15 tahun.³⁷ Sewaktu dewasa al-Syāfi'ī biasa menghabiskan 1/3 malam untuk belajar.³⁸ Abū al-Ḥasan al-Tamīmī (meninggal dunia 918 Masihi) seorang yang buta, tetapi kecintaannya terhadap ilmu membolehkan beliau belajar melalui pendengaran sahaja sehingga menjadi ulama fekah Madhhab Syāfi'ī yang terkenal.³⁹ Kesenangan hidup yang dinikmati oleh seseorang juga tidak harus memanjakan diri menjadi malas. Ibn Hazm (meninggal dunia 1064 Masihi) dan

³⁷ Anwar Ahmad Qadri (1981), *Islamic Jurisprudence in the Modern World*. Lahore : Sh. Muhammad Ashraf, h. 24.

³⁸ Al-Ghazālī (t.t), *Ihyā' 'Ulūm al-dīn*. N.A Faris (1979) (terj.), *The Book of Knowledge*. Lahore : Sh. Muhammad Ashraf, h. 59.

³⁹ George Maksidi (1981), *The Rise of Colleges*. Edinburgh : Edinburgh University Press, h. 99.

Ibn Khaldūn (meninggal dunia 1406 Masihi) merupakan tokoh ilmuan yang hidup dalam keluarga yang berada.⁴⁰

Kedudukan dan umur bukan faktor penghalang untuk terus belajar. Imām Abū Ḥanīfah, walaupun sudah mempunyai pengikut dan kemasyhuran, masih belajar lagi dengan Imām Mālik yang 13 tahun lebih muda daripadanya.⁴¹ Al-Jahiz (meninggal dunia 869 Masihi), seorang penjual roti dan ikan, mencapai ketinggian ilmunya bukan sekadar dengan cara menghadiri kuliah tetapi dengan cara bergaul dengan ilmuan. Beliau sering mengunjungi masjid dan mempelajari hal-hal yang berguna daripada masjididyun.⁴² Kisah kematian beliau mencerminkan kehidupan yang cintakan ilmu. Beliau yang lumpuh badannya mati tertindih oleh buku-buku yang selalu tersimpan di sekelilingnya.⁴³ Sebagaimana Imām al-Syāfi'ī dan al-Jahiz yang berasal dari keluarga miskin, Imām Fakhrudīn al-Rāzī juga berasal dari keluarga yang sedemikian. Malah al-Rāzī mengalami banyak halangan ketika belajar kerana kemiskinan tetapi berjaya dengan bantuan rakan-rakan.⁴⁴

Oleh itu jelaslah penghalang sebenar ialah diri sendiri. Kekuatan keazaman mengatasi segala-galanya. Pepatah melayu ada mengatakan “hendak seribu daya, tak mahu seribu dalih”. Budaya ilmu yang sebenar akan memberi peluang kepada semua anggota masyarakat untuk mencari ilmu dan memperolehi kecemerlangan walaupun rendah taraf sosio ekonomi seseorang penuntut itu. Setiap umat

⁴⁰ Ibn Khaldūn (1969), *Al-Muqaddimah*. Franz Rosenthal (terj.), N.J. Dawood (ed.). New Jersey : Bollingen/Princeton University Press, h. vii-xii.

⁴¹ Sibhi Nu'mani (1982), *Imām Abū Ḥanīfah : Life and Work*. M. Hadi Hussain (terj.). Lahore : Institute of Islamic Culture, h. 30.

⁴² Masjididyun adalah istilah yang digunakan kepada para pengunjung masjid-masjid yang lain.

⁴³ Charles Pellat (1969), *The Life and Works of Jahiz*. Berkeley, Los Angeles: University of California Press, h. 3-9.

⁴⁴ M. Saghir Hasan Ma'sum (1981), *Imām Razi's 'Ilm al-Akhlaq*. New Delhi : Kitab Bharan, h. 2.

Muhammad adalah wajib menuntut ilmu samada lelaki atau perempuan, yang sihat atau cacat, yang kaya atau miskin. Ianya diperolehi dengan berbagai cara seperti pembacaan, pendengaran atau pengalaman. Masyarakat yang buta huruf tidak bermakna buta ilmu. Ini kerana pengajaran juga boleh dilakukan melalui pendengaran. Tokoh-tokoh Islam seperti 'Abdul Allāh ibn Umm Maktūm (zaman Rasulullah s.a.w.) al-Tamimī (zaman pertengahan) dan Ṭahā Ḥussain (zaman moden) adalah antara ilmuan yang cacat penglihatan.⁴⁵

⁴⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud (1991), *Penjelasan Budaya Ilmu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 109.